

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 23 September 2021**



KENYATAAN MEDIA
AKAUN SATELIT PELANCONGAN MALAYSIA, 2020

Terimaan pelancongan mencatatkan kejatuhan 71.2 peratus, merekodkan sebanyak RM52.4 bilion pada tahun 2020

PUTRAJAYA, 23 September 2021 – Sekatan perjalanan bagi membendung penularan COVID-19 yang telah diisyiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Januari 2020 telah mempengaruhi prestasi pelancongan Malaysia pada tahun 2020. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini semasa mengumumkan penemuan Akaun Satelit Pelancongan 2020. Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin dalam kenyataannya menjelaskan terimaan pelancongan negara pada tahun 2020 merekodkan sebanyak RM52.4 bilion iaitu kejatuhan sebanyak 71.2 peratus berbanding tahun 2019 (RM182.1 billion). Menurut beliau, “Tahun 2020 merupakan tahun kedua yang mana sumbangan, pelancongan domestik kepada terimaan pelancongan negara mengatasi perbelanjaan dalam pelancongan *inbound* dengan merekodkan 73.8 peratus.”

Pelancongan domestik menjana terimaan pelancongan sebanyak RM38.6 bilion, dengan penyusutan sebanyak 58.3 peratus berbanding tahun 2019. Sementara itu, perbelanjaan pelancongan *inbound* telah merosot dengan penurunan dua digit yang besar iaitu sebanyak 84.6 peratus dengan hanya merekodkan RM13.7 bilion. Pada masa yang sama, perbelanjaan *outbound* mencatatkan penurunan sebanyak 61.7 peratus dengan jumlah RM 17.1 bilion. Mengulas lanjut prestasi industri pelancongan sepanjang tahun 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa industri pelancongan telah menjana

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Khamis, 23 September 2021**

Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (GVATI) sebanyak RM199.4 bilion dengan menyumbang sebanyak 14.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dari segi nilai, paras sumbangan ini dilihat berkurang sehingga menyamai prestasi yang direkodkan pada tahun 2015, susulan kawalan pengoperasian aktiviti ekonomi oleh kerajaan terhadap sektor pelancongan dalam mengawal penularan COVID-19. GVATI merekodkan penyusutan 17.1 peratus pada tahun 2020 berbanding pertumbuhan 9.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Menghuraikan lebih lanjut mengenai situasi pada 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir berkata bahawa sumbangan pelancongan langsung kepada ekonomi negara (TDGDP) didapati terjejas teruk dengan mencatatkan penurunan sebanyak 72.0 peratus. Walau bagaimanapun, guna tenaga dalam industri pelancongan merekodkan penyusutan pada kadar yang lebih rendah iaitu 2.9 peratus antara lain disumbangkan oleh inisiatif Subsidi Gaji dan Upah bagi memastikan pengusaha pelancongan dapat mengekalkan pekerja dalam tempoh sukar ini.

Secara keseluruhan, sektor pelancongan pada tahun 2020 masih mampu menyerap tekanan tinggi daripada permintaan yang lemah. Penggunaan dalam aktiviti bukan pelancongan turut membantu dalam menyederhanakan kesan penularan pandemik terburuk ini kepada ekonomi negara yang digambarkan melalui prestasi GVATI. Usaha menggiatkan aktiviti pelancongan domestik perlu menjadi fokus dalam memulihkan sektor pelancongan negara bagi menangani sekatan berpanjangan di pintu masuk sempadan negara yang masih berkuatkuasa dan menjelaskan potensi pendapatan daripada pelancong asing.

Mengulas lanjut berkenaan prospek sektor pelancongan di peringkat global Ketua Perangkawan berkata, "World Tourism Organization (UNWTO) meramalkan bahawa sektor pelancongan akan kembali kepada prestasi pra-pandemik pada tahun 2024 dengan sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti pelancongan domestik." Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, sejak Februari 2021 membolehkan kerajaan untuk membuka semula sektor sosial dan ekonomi secara berperingkat dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara yang komprehensif mengikut fasa di seluruh negara.


Susulan daripada ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah beralih ke pasaran domestik bagi membantu memacu aktiviti pelancongan melalui pembukaan Gelembung pelancongan (*Travel bubble*) dengan prosedur operasi standard (SOP) yang khusus, yang mana Pulau Langkawi telah dipilih sebagai projek rintis bermula 16 September yang lepas sementara menunggu pembukaan semula sempadan negara sepenuhnya kepada pelancong antarabangsa.

Merumuskan prospek sektor pelancongan Ketua Perangkawan berkata, “Industri pelancongan Malaysia harus terus memberi fokus kepada digitalisasi dan pengembangan produk dan infrastruktur pintar sebagai inisiatif untuk membangun masa depan yang lebih berdaya tahan dan lestari di Malaysia seperti disarankan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Dasar Pelancongan Nasional (NTP) 2020-2030 pada 23 Disember 2020 digubal untuk memastikan kelangsungan industri pelancongan negara dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan di seluruh dunia. Pendekatan utama dalam mencapai agenda NTP termasuk pemulihan industri pelancongan yang berkesan berdasarkan norma baru, penguatan daya saing, pembangunan pelancongan yang lestari dan inklusif, serta pengurusan risiko bencana. Antara Strategi Transformasi yang digariskan dalam NTP adalah menerapkan '*Smart Tourism*' yang bertujuan untuk membawa industri ke tahap seterusnya dengan memanfaatkan peluang di era digital. Kemajuan dalam teknologi digital telah mempengaruhi cara orang melakukan perjalanan, serta penggiat industri pelancongan mengubah cara mereka beroperasi. Di samping itu, ini akan membina semula keyakinan melalui penjenamaan semula dan membangunkan rancangan komunikasi untuk menyampaikan mesej Malaysia sebagai destinasi perjalanan yang selamat dan dipercayai.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Khamis, 23 September 2021**

Paparan: Ringkasan Industri Pelancongan, 2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

23 SEPTEMBER 2021



MEDIA STATEMENT
TOURISM SATELLITE ACCOUNT MALAYSIA, 2020

***Tourism receipts registered a fall of 71.2 per cent
recording RM52.4 billion in 2020***

PUTRAJAYA, 23rd September 2021 – Travel restrictions to curb the spread of COVID-19 which has been declared as a pandemic by the World Health Organization (WHO) on 31 January 2020 has affected Malaysia's tourism performance in 2020. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today while announcing the findings of the Tourism Satellite Account 2020. In his statement, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that Malaysia's tourism receipts in 2020 recorded RM52.4 billion, a drop of 71.2 per cent compared to 2019 (RM182.1 billion). According to him, "2020 is the second year that domestic tourism receipts exceeded the inbound tourism receipts with a contribution of 73.8 per cent."

Domestic tourism generated RM38.6 billion of tourism receipts, with a decline of 58.3 per cent compared to 2019. Meanwhile, inbound tourism expenditure plummeted with a double digit decline to 84.6 per cent, recording only RM13.7 billion. Simultaneously, outbound expenditure recorded a decrease of 61.7 per cent amounting RM17.1 billion. Commenting further on the tourism industry's performance throughout 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that the industry had generated RM199.4 billion of Gross Value Added of Tourism Industry (GVATI) by contributing 14.1 per cent to the Gross Domestic Product (GDP). In terms of value, this shrinkage matches the performance shown in 2015, as a consequence of the government's restriction in economic activities to curb the spread of COVID-19. The

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23rd September 2021

GVATI shrank 17.1 per cent in 2020 compared to 9.1 per cent growth in the previous year.

Elaborating further on the situation in 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir said that the direct tourism contribution to the national economy (TDGDP) was severely affected by recording a decrease of 72.0 per cent. However, employment in the tourism industry recorded a decline at a lower rate of 2.9 per cent, as the government introduced the Salary and Wage Subsidy initiative to ensure the tourism operators can retain employees during these difficult times.

Overall, the tourism sector in 2020 will still be able to absorb the substantial pressure from the weak demand. Consumption in non-tourism activities helps moderate the effects of this unprecedented pandemic on the national economy as reflected through the performance of GVATI. Efforts to intensify domestic tourism activities should be the focus in reviving the country's tourism sector to counter the prolonged restrictions at the national borders still in force that affected the potential of foreign tourists' receipts.

Commenting further on the prospects of the tourism sector at a global level, the Chief Statistician said, "The World Tourism Organization (UNWTO) predicts that the tourism sector will return to pre-pandemic performance in 2024, largely driven by domestic tourism activities." The implementation of the National COVID-19 Immunisation Programme since February 2021 has enabled the government to open up the social and economic sectors in stages with the implementation of a comprehensive National Recovery Plan throughout the country.

Subsequently, the Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) has shifted to the domestic market to drive tourism activities by implementing the Travel bubble with detailed standard operating procedures (SOPs). Langkawi Island has been selected as a pilot destination to fully vaccinated local tourists starting from September 16 before reopening the country's international borders to foreign tourists.


Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23rd September 2021

Summarising the prospects of the tourism sector, the Chief Statistician said, "Malaysia's tourism industry should continue to focus on digitalisation and expansion of smart products and infrastructure as an initiative to develop a more resilient and sustainable future in Malaysia as recommended by the Malaysian Investment Development Authority (MIDA). The government has launched the National Tourism Policy (NTP) 2020-2030 on 23 December 2020 to ensure the viability of the country's tourism industry and make Malaysia a preferred tourism destination worldwide. Key approaches in achieving the NTP agendas include the recovery of the tourism industry in new norms effectively, strengthening competitiveness, sustainable and inclusive tourism development, as well as disaster risk management. Among the Transformation Strategies outlined in the NTP is to implement 'Smart Tourism' which aims to take the industry to the next level by taking advantage of opportunities in the digital age. Digital technology has influenced the way people travel and the tourism industry players are changing the ways they operate. Moreover, this will rebuild the tourist's confidence through rebranding and developing communication plans to deliver messages where Malaysia is a safe and trusted travel destination."

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23rd September 2021

Exhibit: Tourism Industry's Performance, 2020



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

23rd SEPTEMBER 2021